

PM Hapusakai

BH 6 MAR 1985

ladang popi

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru masyarakat antarabangsa membasmi penanaman bunga 'popi' dalam usaha memerangi penyalahgunaan dadah.

Perdana Menteri berkata, penanaman bunga popi yang tidak terkawal adalah satu daripada sebab merebaknya masalah dadah.

Datuk Seri Dr Mahathir membuat seruan itu ketika berbincang dengan Penolong Setiausaha Negara Amerika Syarikat bagi Asia dan Pasifik, Encik Paul Wolfowitz, di Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Dalam taklimatnya kepada para wartawan selepas pertemuan hampir dua jam itu, Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zainal Abidin Sulong berkata, Perdana Menteri berpendapat, dengan membasmi penanaman bunga popi, pengawalan ke atas penyalahgunaan dadah akan lebih berkesan.

Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu Encik Wolfowitz, Malaysia bermi-

nat mengambil langkah-langkah baru di peringkat antarabangsa dalam mengawal masalah dadah.

Encik Wolfowitz diberitahu, Malaysia menganggap ancaman dadah adalah masalah paling berat dan tidak akan teragak-agak mengenakan hukuman paling berat.

Tan Sri Zainal Abidin berkata, dalam perbincangan itu, Perdana Menteri menjelaskan usaha-usaha Malaysia membanteras dadah, termasuk hukuman yang dikenakan ke atas pengedar dadah, dan cadangan mengadakan undang-undang untuk merampas harta

benda mereka.

Encik Wolfowitz berkata, negaranya sependapat dengan Malaysia mengenai bahaya ancaman dadah ini.

Pegawai Amerika itu juga menyebut bahawa kerajaan Amerika Syarikat ingin mendengar pendapat isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah, di satu seminar mengenai dadah di Amerika Syarikat.

Seminar itu dianjurkan oleh wanita pertama Amerika Syarikat, Puan Nancy Reagan, pertengahan bulan depan. Perjumpaan wanita-wanita pertama di dunia itu bertujuan mencari jalan memerangi wabak dadah.

Tan Sri Zainal Abidin berkata, Perdana Menteri dan Encik Wolfowitz juga membincangkan rancangan Sistem Penerbangan Malaysia (Mas) mengadakan perkhidmatan ke San Francisco dan perkara-perkara yang melambatkan penyelesaian perkara itu.

Soal Mas

Encik Wolfowitz juga memberi taklimat kepada Perdana Menteri mengenai pandangan Amerika berhubung krisis Anzus (Pakatan Pertahanan Australia-New Zealand dan Amerika Ayarikat).

Sebelum itu Encik Wolfowitz menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam.

Tan Sri Zainal, berkata dalam pertemuan itu Encik Wolfowitz menyatakan Amerika Syarikat tertarik dengan usaha negara ini mengatasi masalah dadah.

Pegawai Amerika itu menjelaskan kegigihan Malaysia ini menyebabkan Kuala Lumpur dipilih sebagai tempat persidangan para pegawai narkotik Amerika Syarikat awal bulan depan.

Persidangan itu yang akan dihadiri oleh sekurang-kurangnya 80 peserta dijangka menjadikan pengalaman Malaysia sebagai asas memerangi wabak dadah di Amerika Syarikat.

Datuk Musa menyambut baik langkah Amerika Syarikat itu dan membayangkan kemungkinan akan bekerjasama lebih erat dalam memerangi wabak dadah.